

Headline	Setiap perkara menjadi mudah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	55	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	359 cm ²
Journalist	Badrila Jamlus	AdValue	RM 13,259
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,776



'Setiap perkara menjadi mudah'

■ Sukarelawan TH bersyukur laksana urusan di Tanah Suci dengan lancar

Oleh Badrila Jamlus dari Makkah

"Hampir setiap perkara yang kami lakukan di sini, sentiasa dipermudahkan Allah dan ini mungkin hasil kerja sukarelawan yang kami sertai sebagai Sahabat Tabung Haji (TH) sepanjang berada di Tanah Suci," kata Sahabat TH Khazaimatul Shima Subari, 36, dari Maktab 95 yang menginap di Hotel Olayan, di sini, semalam.

Beliau berkata, antara peristiwa yang tidak dapat dilupakan ialah apabila dia bersama suami, Mazlan Mahdi, 40, kehilangan selipar selepas selesai melakukan tawaf dan tanpa diduga sebuah buggy dipandu seorang lelaki Arab tiba-tiba berhenti di depan serta terus menghantar ke lobi hotel terletak 450 meter.

"Bayangkan bagaimana kami harus menapak dari masjid ke hotel penginapan tanpa selipar, malah ketika saya menjadi sukarelawan

di Masyair urusan menggunakan tandas juga dipermudahkan sedangkan jemaah perlu berebut menggunakan tandas yang terhad khususnya di Arafah dan Mina," katanya ketika ditemui pada majlis ramah mesra Sahabat TH, Sahabat Ibadah dan Sahabat Medic yang dihadiri Ketua Rombongan Haji Malaysia Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman di Pusat Operasi TH, semalam.

Pada majlis itu, seramai 162 sukarelawan terdiri daripada 112 Sahabat TH, 39 Sahabat Ibadah dan 11 Sahabat Medic menerima sijil penghargaan masing-masing serta diraikan dengan jamuan makan tengah hari.

Khazaimatul berkata, sepanjang berada di kawasan Masyair, dia ditugaskan untuk menguruskan perjalanan jemaah di khemah dan menaiki bas serta tidak berasa beban dengan tanggungjawab yang diberikan.

Seorang lagi sukarelawan Noridah Kusari pula berkata, pengalaman sebagai Ketua Jururawat di Universiti Tek-

nologi MARA (UiTM) Segamat memberi peluang kepadanya untuk membantu pasukan perubatan TH sebagai Sahabat Medic, malah suaminya yang bertugas sebagai Pengarah Hospital Segamat turut tidak ketinggalan menyertainya.

"Jemaah pada musim haji akan datang tidak seharusnya melepaskan peluang menjadi sukarelawan TH kerana ia memberikan pengalaman luar biasa yang tidak mungkin diperolehi di tempat lain," katanya.

Sementara itu, Ketua Sahabat TH bagi jemaah lelaki Mohd Amri Abdullah mencadangkan alumni mementingkan semua sukarelawan TH diwujudkan sebagai langkah memberi cadangan dan maklum balas bagi memperbaiki setiap kelemahan dalam menguruskan jemaah haji sepanjang berada di Tanah Suci.

Beliau berkata, setiap maktab mempunyai 20 sukarelawan dan bukannya satu tugas yang mudah dalam menguruskan kira-kira 3,200 jemaah dibantu petugas haji yang terhad.

Dalam pada itu, Syed Saleh dalam ucapannya berkata, TH berbangga dengan semangat tinggi ditunjukkan Sahabat TH dalam membantu melancarkan pergerakan jemaah di maktab masing-masing tanpa jemu atau bosan melayan kerenah jemaah Malaysia.

FAKTA
Setiap maktab mempunyai 20 sukarelawan mengurus 3,200 jemaah haji

Headline	Setiap perkara menjadi mudah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	55	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	359 cm ²
Journalist	Badrila Jamlus	AdValue	RM 13,259
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,776



SYED Saleh (dua dari kanan) menyampaikan sijil kepada seorang Sahabat TH, semalam. Gambar kecil, antara Sahabat TH bergambar kenangan.